



Ayub (kiri) melihat gerai pameran pelajar dalam bidang kemahiran yang menunjukkan kreativiti mereka menjalankan projek.

Johor perlu lebih ramai graduan kemahiran

BATU PAHAT - Johor memerlukan lebih ramai pelajar dari aliran kemahiran bagi memenuhi pelbagai bidang pekerjaan di masa hadapan, sekali gus tidak terlalu bergantung kepada tenaga luar.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan, Datuk Ayub Rahmat berkata, keperluan itu akibat daripada kepesatan pembangunan di negeri ini dalam pelbagai bidang dan tidak terkecuali minyak dan gas.

Menurutnya, pelbagai sektor lain turut memerlukan tenaga kerja disebabkan Johor juga menerima

nilai pelaburan tinggi daripada pelabur luar yang menjadikan peluang pekerjaan yang banyak.

"Bila ada pelaburan, maka peluang pekerjaan yang sepatutnya diraih penduduk tempatan tak dapat dipenuhi sehingga kita pun marah kenapa orang luar, tapi kita sendiri tak ambil peluang pelaburan yang ada.

"Jadi saya yakin itu antara dilaksanakan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) bagi membantu kerajaan terutamanya kerajaan negeri memenuhi pasaran

tempatan," katanya dalam sidang akhbar pada Majlis Perasmian Seminar Pendidikan Johor 2017 di UTHM, semalam.

Hadir sama, Naib Canselor UTHM, Prof Dr Wahid Razzaly dan Dekan Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV), Prof Dr Wan Mohd Rashid Wan Ahmad.

Ayub yang juga wakil kepada Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, seminar itu dilaksanakan untuk membincangkan hala tuju TVET bagi membantu kerajaan negeri.